



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

PRK AYER KUNING : BERKEMPEN DENGAN MENGHORMATI SEMANGAT PERPADUAN

Saya ingin mengingatkan semua pihak yang terlibat dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Ayer Kuning, yang akan bermula pada 12 April ini, agar menjalankan kempen dengan penuh rasa tanggungjawab dan menghormati semangat perpaduan yang telah lama kita bina. Proses demokrasi adalah ruang untuk kita menyuarakan pendapat dan memilih wakil rakyat, namun dalam suasana yang penuh hormat, beradab, dan tidak mencetuskan ketegangan dalam kalangan masyarakat.

Sebagai negara yang berbilang kaum, agama, dan budaya, adalah amat penting untuk kita **menjaga tatasusila** dalam percakapan sepanjang kempen ini selari dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan serta nilai-nilai MADANI. Kita mesti menghindari menyentuh perihal yang sensitif seperti **agama, bangsa, dan raja (3R)**, serta mengelakkan sebarang provokasi yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat.

Sebarang kenyataan atau tindakan yang berunsur provokasi, hasutan, atau penghinaan terhadap mana-mana agama, kaum, atau individu yang boleh menggugat keharmonian negara adalah tidak boleh diterima dan akan dikenakan tindakan tegas oleh pihak penguatkuasa melalui peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa seperti:

- I. **Seksyen 4(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954**, adalah menjadi satu kesalahan untuk mengeluarkan sebarang kenyataan atau melakukan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan perpecahan atau permusuhan antara kaum dan agama sepanjang tempoh kempen.

- II. **Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998** yang menggariskan bahawa **sebarang komunikasi yang tidak wajar atau menyinggung perasaan** boleh dikenakan tindakan undang-undang.

III. Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 kesalahan menghasut.

Dalam hal ini, setiap calon, penyokong, dan pengundi hendaklah memastikan bahawa segala bentuk komunikasi, termasuk di media sosial dan dalam pertemuan kempen, adalah **sopan, tidak berunsur kebencian, dan tidak menyinggung mana-mana pihak**. Marilah kita sama-sama menjaga **perpaduan negara** dan menjalankan tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

10 April 2025

